

"Buta mata namun terang hati"

TADADA insan yang meminta dilahirkan dengan kecacatan kekal, namun siapalah kita untuk menidakkan segala perancangan si Pencipta. Inilah kenyataan yang diluahkan oleh gadis berwajah mulus berusia 25 tahun, Tan Jia Hui. Gadis Tionghua ini tidak boleh dipandang sebelah mata hanya kerana buta sejak dilahirkan. Bagi pemegang Ijazah Sarjana Muda Pengajian Melayu (Sosio-Budaya Melayu), Universiti Malaya (UM) ternyata dia mempunyai aura yang tersendiri.

Manakan tidak di saat pelajar normal bergelut untuk mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) cemerlang, Tan Jia Hui yang mesra dipanggil sebagai Jia menamatkan pengajian dengan jayanya dan mendapat 3.50 CGPA.

Apabila ditanya tentang rahsia kejayaan beliau, Jia menegaskan tiada ramuan khas yang diamalkan untuk mendapat kejayaan cemerlang dalam akademik. Bagi Jia dia tidak menjadikan kekurangan diri (buta penglihatan) sebagai medium meraih simpati dan berpeluk tubuh semata-mata tanpa sebarang usaha yang konsisten.

"Saya tidak dapat melihat sejak lahir, jadi saya sudah membiasakan diri untuk menyesuaikan keperluan harian khususnya dalam aspek pembelajaran. Saya mula bersekolah di Sekolah Kebangsaan Sungai Kantan, Kajang. Insan pertama yang memberi saya sinar dalam bidang akademik ialah Cikgu Haireah Harun," jelas Jia yang masih berhubung hingga kini dengan Cikgu Haireah walaupun telah meninggalkan sekolah berkenaan hampir 20 tahun.

Selepas menamatkan persekolahan di peringkat rendah, Jia menyambung persekolahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Kajang Utama (sekolah integrasi), Kajang dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga.

"Sekolah ini tidak mempunyai kelas khusus untuk pelajar istimewa seperti saya, namun saya bernasib baik kerana ditempatkan sekelas dengan seorang lagi pelajar buta bernama Amanda Kong Hwei Zhen. Kami ditempatkan sekelas dengan pelajar pintar agar memudahkan pengurusan sekolah memantau kami.

"Di tingkatan empat, saya berpindah ke Sekolah Menengah Pendidikan Khas Setapak hingga tingkatan lima. Di sekolah ini saya mengalami kejutan budaya kerana perlu bersaing dengan enam lagi pelajar senasib kerana sebelum ini saya bersekolah di sekolah yang tidak mempunyai ramai pelajar OKU seperti saya," jelas Jia tentang cabaran beliau untuk mengejar cita-cita menyambung pengajian hingga ke universiti.



TAN Jia Hui (kiri) dan rakan senasib dengannya, Mohammad Yusri Aziz membuktikan cacat penglihatan bukan halangan untuk berjaya dalam bidang akademik.

Selain perlu membuat penyesuaian dengan suasana pembelajaran baharu, Jia juga perlu duduk di asrama dan berjauhan dengan keluarga buat kali pertama.

"Di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Setapak terdapat lima orang guru terlatih untuk mengajar pelajar OKU, dua daripadanya ialah guru OKU. Ini membolehkan guru-guru berkenaan memahami emosi Jia dan enam rakan sekelasnya dengan lebih baik. Tambah Jia lagi, belajar mata pelajaran Matematik seperti bahan bergambar rajah sangat mencabar kerana Jia tidak boleh membayangkan bentuk gambar rajah berkenaan sementelah beliau buta sejak lahir kerana buta.

"Matematik merupakan mata pelajaran yang sangat sukar bagi saya, jika mata pelajaran lain saya boleh ulang kaji pelajaran dengan membaca buku dan nota dalam bentuk Braille, namun matematik sangat berbeza," ujarinya. Namun berkat ketabahan dan tidak pernah mengenal erti putus asa, Jia akhirnya lulus cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan menyambung pengajian di Tingkatan Enam Sekolah Menengah Kebangsaan St. John Kuala Lumpur (2012-2013).

Kursus Kemahiran Prauniversiti

Sementara menunggu keputusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Jia mengambil langkah proaktif dengan mengambil Kursus Kemahiran Prauniversiti di Malaysia Association for The Blind (MAB) selama hampir tiga bulan. Ia merupakan kelas persediaan bagi Jia untuk menyambung pengajian ke peringkat universiti jika keputusan STPM beliau cemerlang.

Sepanjang kursus tersebut Jia didedahkan cara menggunakan

Ibu bapa dan guru-guru sangat memberi sokongan kepada saya khususnya Cikgu Buyah Omar dan Cikgu Rubiah Abu Amin serta Cikgu Zaiton Hassan yang bersungguh-sungguh menghantar saya ke sekolah pendidikan khas. Jika tanpa bantuan dan sokongan mereka, saya mungkin tidak dapat belajar hingga ke menara gading."

komputer, pengurusan kehidupan harian seperti memasak, mengemas dan pelbagai kemahiran lain.

Kecemerlangan akademik Jia dalam STPM melayakkan dia menyambung pengajian di UM. Jia memohon kursus Bahasa Melayu, Kesusasteraan Melayu, Kaunseling dan Sejarah. Namun berdasarkan keputusan STPM, UM menawarkan kursus Sosio Budaya Melayu di Akademi Pengajian Melayu (APM).

"Saya memohon untuk membuat pertukaran kursus selepas semester pertama kepada Ketua Jabatan APM kerana saya kurang berminat dengan kursus yang diberikan dan beranggapan saya lebih berminat mendalami pengajian di Jabatan Bahasa Melayu atau Jabatan Sastera Melayu. Permohonan saya ditolak oleh pihak akademi kerana saya tidak memenuhi syarat-syarat dalam subjek yang dipohon.

"Pada peringkat awal saya rasa sangat kecewa dan berputus asa kerana penolakan tersebut, namun

saya mendapat satu kekuatan luar biasa dalam meneruskan pengajian dalam bidang ini.

"Akhirnya sedar tak sedar dalam keterpaksaan, lama kelamaan saya mula menyukai bidang ini kerana ia mendedahkan saya tentang cara hidup dan budaya masyarakat umum khususnya orang Melayu. Saya juga belajar nilai-nilai dan norma masyarakat Melayu seperti seni bina dan ukiran orang Melayu pada zaman silam hingga kini," jelas Jia.

Tinggal di Kolej Kediaman Za'aba

Sepanjang tiga tahun menyambung pengajian di UM (2014-2017), Jia tinggal di Kolej Kediaman Ketujuh, (Kolej Za'aba). Kolej kediaman ini merupakan kolej mesra OKU dan dibina mengikut spesifikasi antarabangsa bagi membolehkan pelajar OKU menginap di kolej berkenaan.

"Pengalaman tinggal di asrama sekolah menengah membuatkan saya lebih berdikari dan yakin apabila tinggal di asrama pelajar ini. Rutin harian saya selepas bangun pagi, saya akan mengemas bilik, bersiap seperti mandi dan bersarapan di dewan makan kolej. Saya pergi kelas yang biasanya bermula seawal jam lapan pagi khususnya tutorial, dalam sehari saya perlu menghadiri tiga kelas di mana setiap kelas mengambil masa satu hingga tiga jam.

"Masa belajar saya perlu membuat rujukan di Perpustakaan Utama UM. Sebagai universiti mesra OKU selain penginapan asrama yang mempunyai pelbagai kemudahan untuk kami, di dewan kuliah dan perpustakaan UM juga mempunyai kemudahan yang sangat mesra OKU.

Di Perpustakaan Utama UM, terdapat bilik khas untuk Jia dan pelajar cacat penglihatan membuat

TRIVIA

Biodata

Nama : Tan Jia Hui
Tarikh dan Tempat Lahir : 6 November 1992, Hospital Kajang
Bapa : Tan Kian Chuan (Tukang kayu)
Ibu : Ng Sok Ching (Surirumah)
Adik Beradik :
 Tan Kee Ji, 24 tahun (OKU penglihatan)
 Tan See En, 20 tahun
 Tan See Win, 17 tahun
Makanan Kegemaran : Masakan Cina (sup dan nasi ayam) dan nasi lemak.
Minuman Kegemaran : Jus buah-buahan, teh tarik dan air soya.

Pendidikan :

- Penilaian Menengah Rendah : 1A (Bahasa Melayu), 3B, 2C dan 1D
- Sijil Pelajaran Malaysia: 3A (Bahasa Melayu, Moral dan Kesusasteraan Melayu), 5B 1D
- Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia : 3.75 PNGK-Pengajian Am (A-), Sejarah (A), Kesusasteraan Melayu (B+) dan Bahasa Melayu (A).
- Ijazah : Sarjana Muda Pengajian Melayu (Sosio-Budaya Melayu), UM.

Fakta Menarik :

- Jia memohon untuk melanjutkan pengajian di UM sebagai pilihan pertama, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pilihan kedua dan Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai pilihan ketiga.
- Jia mendapat 4.00 CGPA pada sememester akhir sebelum menamatkan pengajian di UM (Februari - Jun 2017), mendapat A dalam semua empat subjek.
- Tan Jia Hui sedia dihubungi di talian 012-6551208 bagi membolehkan beliau mendapat pekerjaan yang sesuai.

ulang kaji, termasuk bantuan sukarelawan bagi membacakan bahan-bahan rujukan yang tidak mempunyai tulisan Braille.

"Saya berharap masyarakat umum boleh membuka mata terhadap kejayaan kami dan tidak memperlekehkan kebolehan yang kami miliki. Beri kami ruang dan peluang untuk membuktikan kemampuan demi berbakti kepada masyarakat.

Kami sedar mempunyai halangan dalam kehidupan, namun percayalah pencapaian akademik kami tiada kurangnya berbanding dengan mereka yang normal," tegas Jia mengakhiri bicara